

Pacu pendidikan kewangan profesional



Mohamed Azmi Mahmood (dua dari kanan) dan Diding S. Anwar menunjukkan dokumen memorandum persefahaman antara AICB dan Perum Jamkrindo di Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/Roy Azis Abd. Aziz

Utusan Malaysia - 12 Ogos 2017 3:00 AM

KUALA LUMPUR 11 Ogos – Institut Bank-bank Bertauliah Asia (AICB) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Perusahaan Umum Jaminan Kredit Indonesia (Perum Jamkrindo) untuk mengukuhkan pendidikan kewangan profesional.

Ahli Majlis AICB, Datuk Mohamed Azmi Mahmood berkata, kerjasama itu bertujuan mempromosikan dan saling membantu antara satu sama lain dalam bidang tersebut.

Katanya, MoU berkenaan akan menyokong pembangunan profesional pengamal jaminan kredit bagi kedua-dua pihak.

Jelas beliau, bidang kerjasama termasuk pertukaran kepakaran, promosi kelayakan profesional kredit AICB untuk pembangunan kakitangan Perum Jamkrindo dan bidang lain yang saling menguntungkan.

“Pertumbuhan pesat pembangunan pendidikan profesional meliputi segmen perbankan dan kewangan di Malaysia dan Indonesia memerlukan pemain industri dilengkapi kemahiran serta nilai yang tepat.

“Justeru MoU ini akan dapat memenuhi permintaan organisasi bukan sahaja di kedua-dua negara malah di seluruh rantau ASEAN,” katanya selepas majlis menandatangani MoU di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Pengarah Perum Jamkrindo, Diding S. Anwar.

Perum Jamkrindo adalah syarikat jaminan kredit yang pertama dan terbesar di Indonesia yang memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan jaminan kredit secara konvensional mahupun syariah.

Sementara itu, Diding berharap MoU itu akan menyediakan peluang bagi kedua-dua pihak untuk memperkenalkan kelayakan profesional dalam jaminan kredit untuk pekerja Perum Jamkrindo dan syarikat sekutunya.

© Utusan Melayu (M) Bhd